

# Dr. M mulakan lawatan keria dua hari di Myanmar

13 AUG 2002

YANGON 18 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi lawatan kerja dua hari ke Myanmar yang dijangka membawa impak besar dalam meningkatkan kerjasama antara dua negara.

Selain pertemuan tertutup Perdana Menteri dengan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe hari ini, ucapan dasar beliau pada Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia esok, dijangka dapat memberi lonjakan kepada kemasukan pelaburan dari Malaysia yang kini merupakan rakan pelabur keempat terbesar bagi Myanmar.

Pertemuan Dr. Mahathir dan Than Shwe di Bangunan Parlimen di sini merupakan acara terpenting dalam lawatannya, manakala ucapan dasar beliau pada persidangan esok akan dihiiti secara dekat oleh 550 peserta yang kebanyakannya usaha-

wan iaitu 250 orang dari Myanmar dan 300 dari Malaysia.

Terdahulu sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Yangon, Dr. Mahathir dijemput mencuba operasi sistem e-Pasport Myanmar serta meninjau urusan pelepasan di kaunter imigresen di situ.

Sistem e-Pasport tersebut yang menyamai bentuk pasport unitar Malaysia, turut mempunyai cap jari pemiliknya.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali di lapangan terbang disambut oleh Than Shwe, Naib Pengerusi SPDC, Jeneral Maung Aye, Setiausaha 1 SPDC, Leftenan Jeneral Khin Nyut, Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Duta Malaysia ke Myanmar, Datuk Cheah Sam Kip.

Dr. Mahathir dan isteri malam ini diraikan dalam majlis jamuan rasmi di Bangunan Parlimen.

Sementara itu, persidangan dua hari mengenai teknologi tersebut, yang merupakan persidangan terbesar diadakan sempena lawatan keria Dr. Mahathir ke luar negara, dijangka merangka kaedah lebih mudah bagi para usahawan kedua-dua negara untuk meningkatkan kerjasama dan menerokai bidang-bidang baru pelaburan.

Ia dianjurkan bersama oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan SPDC.

Pengerusi Bersama (Kerajaan) MIGHT, Tan Sri Dr. Ahmad Zaharudin Idrus memberitahu sidang akhbar di sini bahawa persidangan itu akan memberi kesan kepada kerjasama memajukan teknologi dan ekonomi, selaras dengan konsep saling memajukan negara-negara jiran dalam ASEAN.

Katanya, sekiranya kuasa beli hampir 50 juta rakyat Myanmar dapat ditingkatkan sebanyak 20 peratus

lagi, pembangunan ekonomi dan pelaburan akan menjadi pesat.

Esok, Dr. Mahathir juga dijadual menyaksikan upacara memeterai dua memorandum persefahaman (MoU) iaitu mengenai cari-gali minyak antara Petronas dan Kementerian Tenaga Myanmar; dan mengenai Pelan Tindakan dan Pembangunan Strategik Yangon antara MIGHT dan Institut Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia dengan Jawatankuasa Pembangunan Bandaraya Yangon.

Dr. Mahathir juga akan melawat Taman ICT Myanmar serta menemui ahli-ahli Persatuan Rakyat Malaysia di Myanmar (MAM), sebelum menyaksikan majlis penyerahan projek makmal Sekolah Bestari serta melawat Hospital Perubatan Tradisional di sini. -- *Utusan*